



Ministry of Industry and Primary Resources

**UCAPAN
YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA
DATO SERI SETIA AWANG HAJI YAHYA
BIN BEGAWAN MUDIM DATO PADUKA HAJI
BAKAR,
MENTERI PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER
UTAMA,
DI MAJLIS PEMBUKAAN RASMI
HARI LAUTAN SEDUNIA 2012
Hari Isnin, 11 Jun, 2012**

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Mulia Awang Haji Abdul Halidi bin Mohd. Salleh, Pemangku Pengarah Perikanan selaku Pengerusi Majlis;

Tuan-Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta Besar; Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Yang Mulia, Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai Kerajaan, para pengusaha, para nelayan, penceramah-penceramah undangan, para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian;

Segala puji hanya bagi Allah Subhanahu Wata'ala, Selawat serta Salam keatas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur sehingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmatNya jua, kita dapat berkumpul di Majlis pada pagi ini.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Majlis kerana menjemput saya untuk menjadi Tetamu Kehormat dan saya juga berbesar hati dapat bersama-sama dengan yang hadir bagi menyambut "Hari Lautan Sedunia" pada pagi ini.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

Hari Lautan Sedunia telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sejak tahun 2008 dan pada hari ini kita sama-sama menyambutnya bagi memperingati sumbangan lautan kepada kehidupan kita dan mengimbas kembali sejauh mana keberkesanan kita di dalam melaksanakan program-program di dalam memulihara dan mengurus sumber-sumber perikanan di Negara ini.

Pada tahun ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah memilih tema sambutan Hari Lautan Sedunia iaitu “UNCLOS 30” ataupun Perundangan Laut di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke 30 tahun. Secara umumnya konvensyen ini adalah perundangan mengenai lautan yang menyatukan negara-negara ahli dalam rangka kerja undang-undang antarabangsa ke arah keselamatan maritim;

pengurusan perikanan yang lestari ataupun sustainable fishing; dan pemuliharaan dan pengurusan hidupan marin seperti takat-takat karang, ikan dan sebagainya.

Tema ini saya rasa adalah bertepatan dengan usaha kita untuk memulihkan lautan kita yang telah sekian lama menghadapi berbagai-bagai ancaman seperti pencemaran, kemusnahan habitat dan pengangkapan ikan yang berlebihan yang boleh mengugat sekuriti makanan melalui kepupusan sumber perikanan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Di kesempatan Menyambut Hari Lautan Sedunia Tahun 2012 ini, saya ingin menyentuh dua perkara utama yang saya anggap amat penting.

Pertama ialah mengenai pencemaran dan pemusnahan habitat hidupan marin dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sejak akhir-akhir ini, terdapat perbuatan daripada mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab di dalam kegiatan pencemaran alam sekitar marin. Perbuatan membuang dan membiarkan pukuk-pukuk dan peralatan menangkap ikan yang tidak digunakan atau yang tersangkut ke dalam laut masih berlaku dan ini sudah tentu memusnahkan hidupan lautan terutama takat-takat yang perlu dilindungi. Begitu juga dengan kegiatan menggunakan peralatan dan bahan-bahan pengangkapan yang tidak dibenarkan seperti letupan dan racun.

Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah melaksanakan

beberapa aktibiti untuk membuang alat-alat menangkap ikan yang menyangkut pada takat-takat dan ini akan dilaratkan untuk dilaksanakan dengan penyelam-penyelam yang terdapat di Negara ini. Jabatan Perikanan juga telah melaksanakan kempen kesedaran awam kepada nelayan-nelayan di Negara ini dalam tegahan penggunaan bahan-bahan tersebut.

Salah satu langkah untuk melindungi takat-takat termasuk habitatnya ialah melalui penubuhan kawasan-kawasan perlindungan marin (ataupun marine protected areas) yang diharapkan dapat memulihkan keadaan hidupan laut dan takat-takat di Negara ini dan seterusnya meningkatkan produktibiti sumber perikanan. Penggubalan undang-undang bagi penubuhan kawasan-kawasan perlindungan marin sedang berjalan lancar dengan perlantikan pakar perundangan.

Perkara kedua ialah menekankan betapa pentingnya meneruskan usaha-usaha memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang perlunya memelihara hidupan laut. Dalam usaha untuk menyuntik sikap prihatian dan rasa tanggungjawab serta memelihara hidupan lautan di kalangan orang ramai, Jabatan Perikanan telah mula mengadakan latihan menyelam yang bertanggungjawab di kalangan belia-belia yang dikenali sebagai **“Reef Check Eco Diver Training for Youth”** kepada 13 orang penuntut-penuntut sekolah yang terpilih untuk mengikuti latihan tersebut. Program ini diharapkan akan dilaratkan kepada penuntut-penuntut yang lain di sekolah-sekolah di masa akan datang. Adalah diharapkan melalui program ini akan dapat membawa kesedaran kepada orang ramai tentang perlunya memelihara hidupan laut. Di samping itu juga program ini akan dapat menubuhkan rangkaian sukarelawan yang terlatih di

dalam “*reef check’s scientific method*” untuk senantiasa terlibat di dalam pemantauan hidupan laut dan takat-takat dan seterusnya menjadi seorang penyelam yang bertanggungjawab (‘responsible diver’).

Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan mengadakan Hari Terbuka Pusat Biodiversiti Marin dari hari ini hingga 14 Jun nanti. Ke arah ini, saya berharap orang ramai berkunjung dan melawat Pusat Biodiversiti Marin yang mempamerkan aktibiti perikanan yang menjurus kepada melindungi dan mengurus hidupan marin dan berpeluang untuk mengetahui program-program yang disediakan oleh Pusat ini nanti.

Di kesempatan ini saya sukacita mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perikanan kerana berusaha mengungkapkannya acara pada pagi ini.

Untuk akhirnya, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis serta mereka-mereka yang terlibat dalam menjayakan Majlis ini.

Dengan mengucapkan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim dan dengan memohon taufik serta hidayah dari Allah Subhanahu Wata'ala serta selawat dan salam keatas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, maka saya rasmikan sambutan Hari Lautan Sedunia, Tahun 2012.

Sekian, Wabilahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.